

# Zaidatul mula hidu emas Sukan SEA

BERITA HARIAN 11/3/2017 p.92

**Kuala Lumpur:** Pemegang rekod kebangsaan acara 100 meter (m) wanita, Zaidatul Husniah Zulkifli bersedia untuk 'mencium' pingat emas acara riben biru itu di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, Ogos ini.

Atlet berusia 24 tahun itu yang masih segar dengan kejayaan meleburkan rekod milik G Shanti sejak 1993 menegaskan dia perlu konsisten dengan corak larian agar dapat menghasilkan keputusan yang lebih baik selepas ini.

"Alhamdulillah saya berjaya memecahkan rekod kebangsaan di sini (Afrika Selatan). Insya-Allah buat masa sekarang saya akan kekalkan dan konsisten dengan larian saya.

"Ketika berlari dan bertanding di sini, saya tidak berfikir siapa lawan saya sebaliknya fokus dengan larian sendiri," kata Zaidatul kepada BH Sukan ketika dihubungi, semalam.

Atlet kelahiran Alor Setar, Kedah itu berjaya melakar kepanantasan 11.45s di Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein,

Afrika Selatan, kelmarin sekali gus memadamkan rekod berusia 24 tahun, 11.50s milik G Shanti yang dicipta pada aksi Pra-Sukan SEA, Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

## Cuba baiki catatan

Kejayaan Zaidatul hadir selepas enam hari dia merakamkan kelajuan 11.36s di AGN League 7, Pretoria, namun catatan itu tidak diiktiraf oleh Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) sebagai rekod kebangsaan kerana mendapat bantuan angin 2.5s.

Zaidatul dan atlet negara yang terbabit dalam latihan dan pertandingan sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 di Afrika Selatan itu akan menyertai empat lagi kejohanan, iaitu ASA Speed Series 4, Germiston pada 22 Mac, NWU/SASOL, Prestige International Meeting, Saalburg (28 Mac), AGN League 10, Best Mrs Tuks (8 April) dan National Senior Championship, Potchefstroom (20-11 April).

Oleh Mohd Khairie Khalid



Zaidatul Husniah